



Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2023

IHPR MENGIKUT SEKTOR



IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN



-1.9%
2023

7.8%
2022

Nota : 2023
2022

IHPR Pengeluaran Tempatan turun 1.9 peratus pada tahun 2023

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP)


IHPRP meningkat 2.1 peratus pada tahun 2023

2.1%
2023

2.1%
2022


Nota : 2023
2022

IHPRP MENGIKUT SUBSEKTOR




Data Siri Masa

IHPR PENGELUARAN TEMPATAN, 2011 - 2023



INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, 2011 - 2023



Sumber: Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun 1.9 peratus, manakala Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan terus meningkat 2.1 peratus pada 2023

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

- IHPR Pengeluaran Tempatan turun 1.9 peratus pada 2023 (2022: 7.8%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan iaitu 13.8 peratus daripada peningkatan 1.3 peratus pada 2022. Sebagai komponen terbesar dalam sektor ini, penurunan dua digit dalam indeks Penanaman tanaman kekal sebanyak negatif 23.1 peratus (2022: -0.7%) membawa kepada kemerosotan keseluruhan sektor ini. Sektor Perlombongan juga turun 5.9 peratus berbanding 12.6 peratus pada 2022. Pengekstrakan petroleum mentah turun dua digit 10.1 peratus selepas peningkatan 6.4 peratus pada 2022. Sementara itu, Pengekstrakan gas asli meningkat pada kadar lebih perlahan 9.9 peratus berbanding 43.7 peratus pada 2022.
- Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan penurunan perlahan 0.2 peratus berbanding kenaikan 8.4 peratus pada 2022. Penurunan itu disebabkan oleh kemerosotan indeks Pembuatan produk makanan (-5.9%), Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-5.4%), dan Pembuatan kimia & produk kimia (-3.3%). Namun, penurunan dalam sektor ini diimbangi dengan peningkatan dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler (8.9%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (6.9%). Walau bagaimanapun, sektor utiliti kekal positif pada 2023, dengan Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.4 peratus dan 2.4 peratus.
- Indeks Bahan Perantaraan, bekalan & komponen menurun 1.2 peratus daripada peningkatan 10.9 peratus pada 2022 dan indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 9.6 peratus daripada peningkatan 6.2 peratus pada 2022. Sementara itu, indeks Barangan siap barangan meningkat 3.1 peratus pada 2023 berbanding 1.8 peratus pada 2022.

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP)

- IHPRP mencatatkan peningkatan 2.1 peratus, sama seperti yang dicatatkan pada tahun 2022. Semua subsektor merekodkan peningkatan pada tahun ini kecuali indeks Maklumat & komunikasi yang kekal tidak berubah. Subsektor Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 5.6 peratus (2022: 5.4%) manakala Pengangkutan merekodkan kenaikan 2.9 peratus (2022: 3.0%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan peningkatan adalah Kesenian, hiburan & rekreasi (2.3%), Pendidikan (1.0%), Profesional (0.4%), Kesihatan (0.3%) dan Aktiviti hartanah (0.2%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

